

Instant brands™

Tatakelakuan Perniagaan

Instant brands
Made for together.

CORELLE Instant CHICAGO CUTLERY VISIONS®
pyrex® CORNINGWARE® Snapware®

Dikemas kini November 2021

DAFTAR KANDUNGAN

Tatakelakuan Perniagaan untuk setiap Syarikat Ahli Instant Brands.....	5
Talian Utama Instant Brands	5
Pematuhan terhadap Undang-undang Antirasuah, Berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan dan Menawarkan Hadiah dan Hiburan	6
Antitrust	8
Penyertaan dalam Persatuan Perdagangan.....	8
Sekatan Perdagangan	9
Penyelenggaraan Harga Jualan Semula	9
Klausu Negara Paling Digemari (MFN)	9
Pemonopolian.....	9
Aturan Mengikat	10
Harga Bersyarat.....	10
Sekatan ke atas Pengedar Kita.....	10
Diskriminasi Harga	10
Persalingan	10
Sekatan dalam Urus Niaga Barangan Pesaing	10
Pemasaran	11
Kelestarian	13
Penyumberan Global	13
Undang-undang dan Peraturan Sekatan Ekonomi A.S.....	14
Rekod Kewangan	15
Rahsia Perdagangan/Maklumat Sulit.....	16
Privasi dan Perlindungan Data.....	17
Komunikasi Awam	18
Kesihatan dan Keselamatan	18
Pematuhan kepada Undang-Undang dan Peraturan.....	19
Sumbangan dan Aktiviti Politik	19
Anti Diskriminasi dan Gangguan	20
Keganasan Tempat Kerja.....	21
Kepelbagaian, Perangkuman dan Ekuiti.....	22
Konflik Kepentingan.....	23
Aktiviti Di luar Pekerjaan.....	24
Menerima Hadiah, Ganjaran dan Bayaran	25
Harta Instant Brands	26

Bahan Terlarang	27
Kewajiban untuk Mendedahkan	27
Tindakan Tatatertib	27

Surat daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Ben Gadbois

Ahli Pasukan yang Dihormati:

Tatakelakuan Perniagaan Instant Brands merupakan salah satu cara kita menerapkan nilai kita ke dalam amalan perniagaan di setiap syarikat Instant Brands. Tatakelakuan ini dibangunkan berdasarkan kesedaran bahawa semua perkara yang kita lakukan berkaitan kerja kita akan, dan hendaklah, diukur berdasarkan standard tertinggi etika pengendalian perniagaan. Komitmen kita terhadap standard tertinggi membantu kita mengambil pekerja yang hebat, membangunkan produk yang hebat, dan menarik pelanggan yang setia. Menghormati pelanggan kita, menghormati peluang yang kita nikmati, dan menghormati satu sama lain, adalah asas bagi kejayaan kita, dan ini adalah sesuatu yang kita mesti sokong setiap hari.

Membuat keputusan yang baik dan pilihan yang beretika dalam kerja kita membina sikap saling percaya antara kita dan dengan pengguna, pelanggan, dan rakan niaga kita. Anda sekali-kali tidak boleh menjejaskan integriti peribadi atau reputasi dan kepercayaan syarikat demi memperoleh keuntungan jangka pendek. Kita membuat pilihan yang beretika apabila kita membuat keputusan berpandukan integriti, kejujuran dan pematuhan. Kita mestilah sentiasa telus tentang motif kita, belajar daripada kesilapan kita, dan meminta bantuan apabila berhadapan dengan situasi yang sukar.

Nilai-nilai Syarikat Kita adalah kunci kepada kejayaan kita dan mesti diberi keutamaan untuk memacu HASIL dan mengekalkan INTEGRITI kita. Nilai-nilai tersebut adalah:

- Kita adalah SATU PASUKAN yang memacu hasil dan mencipta nilai bersama-sama.
- Kita sayang akan pelanggan kita dan kita MENGAGUMKAN mereka!
- Kita mencabar satu sama lain, sentiasa BERSIKAP TERBUKA, dan mengalu-alukan idea baharu.
- Kita adalah syarikat GLOBAL dan kita berfikir dan bertindak secara global.
- Kita menanamkan INTEGRITI dalam semua perkara yang kita lakukan.

Sila baca Tatakelakuan Perniagaan ini dan ingatlah Nilai-nilai kita. Kita mestilah mematuhiinya sepenuhnya. Setiap daripada kita bertanggungjawab untuk memasukkan, dan menggalakkan yang lain supaya memasukkan, prinsip-prinsip Tatakelakuan Perniagaan dan juga Nilai-nilai kita dalam setiap perkara yang kita lakukan. Jika anda mempunyai soalan atau berpendapat bahawa salah seorang Ahli Pasukan atau syarikat secara keseluruhannya tidak menunjukkan komitmen yang sepatutnya, jangan sekadar berdiam diri. Kami mahu - dan perlu - mendengar daripada anda. Kita adalah SATU PASUKAN yang memacu hasil dan mencipta nilai BERSAMA-SAMA. Kita tidak dapat berbuat demikian tanpa setiap seorang daripada ANDA.

Yang benar,



Ben Gadbois, Ketua Pegawai Eksekutif

Tatakelakuan Perniagaan untuk setiap Syarikat Ahli Instant Brands

Tatakelakuan Perniagaan ini (“**Kod**” ini) terpakai kepada semua dan setiap pekerja syarikat Instant Brands. Rujukan kepada Instant Brands yang terkandung dalam Kod ini terpakai kepada semua dan setiap syarikat Instant Brands.

Nilai-nilai syarikat kita tergambar dalam Kod ini, dan penting bagi rakan perniagaan kita bertindak dengan tahap integriti dan etika yang sama seperti yang kita jangkakan daripada pekerja-pekerja kita. Atas sebab itu, kita mengharapkan rakan perniagaan kita dan pekerja-pekerja mereka bertindak dalam cara yang konsisten dengan standard yang digariskan dalam Kod ini. Kita akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menangani rakan perniagaan yang tidak memenuhi jangkakan kita di bawah Kod ini.

Talian Utama Instant Brands

Sepanjang Kod ini, anda akan diberi nasihat tentang cara mendapatkan maklumat tambahan atau siapa yang perlu dihubungi jika anda mengesyaki seseorang telah melanggar garis panduan tatakelakuan perniagaan ini. Perkara yang paling penting untuk diingati adalah bahawa apabila anda mempunyai soalan, **JANGAN AMBIL RISIKO!** Dapatkan jawapan yang betul. Tanya penyelia anda. Jika penyelia anda tidak tahu jawapannya, beliau bertanggungjawab mencari jawapannya dan memaklukkannya kepada anda.

Jika, atas sebab-sebab tertentu, anda tidak selesa bercakap dengan penyelia anda, anda ada pilihan. Hubungi ketua kumpulan fungsi anda, Pengurus Sumber Manusia, Jabatan Undang-undang atau telefon Talian Utama Instant Brands.

- **Tapak Web:** <https://www.lighthouse-services.com/instantbrands>
- **Telefon Bebas Tol:**

Australia (Optus)	1-800-551-155
Australia (Telstra)	1-800-881-011
Kanada: Bahasa Inggeris	844-280-0005
Kanada: Bahasa Perancis	855-725-0002
Kanada: Bahasa Sepanyol	800-216-1288
China (Utara, Beijing CNGC)	108-888
China (Selatan, Shanghai – China Telecom)	10-811
Jepun (KDDI)	00-539-111
Jepun (NTT)	0034-811-001
Jepun (Softbank Telecom)	00-663-5111
Malaysia	1-800-80-0011
Mexico	01-800-681-5340
Singapura (SingTel)	800-011-1111
Singapura (StarHub)	800-001-0001

Republik Korea (KT)	00-729-11
Republik Korea (LGU+)	00-369-11
Republik Korea (Sejong Telecom)	00-309-11
Republik Korea (KT Pangkalan Tentera AS)	550-HOME
Republik Korea (Sejong Telecom Pangkalan Tentera AS)	550-2USA
Taiwan	00-801-102-880
United Kingdom	0-800-89-0011
AS: Bahasa Inggeris	844-280-0005
AS: Bahasa Sepanyol	800-216-1288
Lain-lain	800-603-2869 (mesti dail kod akses negara)

- **E-mel:** reports@lighthouse-services.com (mesti sertakan nama syarikat bersama laporan)
- **Faks:** (215) 689-3885 (mesti sertakan nama syarikat bersama laporan)

Pelanggan dan pembekal Instant Brands juga bertanggungjawab melaporkan pekerja Instant Brands yang melanggar dasar perniagaan dan tatakelakuan. Pelanggan dan pembekal juga boleh menghubungi Talian Utama.

Panggilan ke Talian Utama adalah dirahsiakan dan boleh dibuat secara tanpa nama. Jika diketahui, identiti pemanggil tidak akan diberikan kepada sesiapa kecuali seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau seperti yang diperlukan untuk tujuan siasatan. Mana-mana pekerja yang membalas tindakan pekerja lain, pelanggan atau pembekal yang mengemukakan soalan atau laporan tentang pelanggaran yang disyaki (sama ada di Talian Utama atau sebaliknya) akan berdepan dengan tindakan tatatertib.

Pematuhan terhadap Undang-undang Antirasuah, Berinteraksi dengan Pegawai Kerajaan dan Menawarkan Hadiah dan Hiburan

Rasuah adalah menyalahi undang-undang dan kita melarang sebarang bentuk rasuah. Bayaran yang tidak wajar demi memperoleh kelebihan dalam apa jua keadaan tidak boleh diterima sama sekali dan mendedahkan anda dan Instant Brands kepada kerosakan reputasi dan kemungkinan sanksi jenayah dan/atau liabiliti sivil menurut undang-undang antirasuah negara, negeri, tempatan dan asing. Kewaspadaan khusus diperlukan apabila berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan pegawai kerajaan (termasuk pekerja syarikat milik kerajaan atau yang dikawal kerajaan) kerana undang-undang dan pertimbangan khas terpakai dalam hal pemberian barang-barang bernilai kepada mereka. Hukuman kerana melanggar undang-undang ini mungkin berat, termasuk denda yang tinggi terhadap individu dan korporat, malah juga penjara. Pekerja Instant Brands tidak boleh memberi rasuah kepada pegawai kerajaan, dan perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan antirasuah dan sogokan yang terpakai kepada perniagaan kita.

Larangan terhadap pembayaran yang tidak wajar termasuk menawarkan hadiah atau hiburan bagi tujuan yang tidak wajar. Atas sebab itu, perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan promosi atau demonstrasi produk atau perkhidmatan untuk perniagaan Syarikat boleh diterima jika

perbelanjaan itu (a) diluluskan oleh ahli Pasukan Eksekutif seperti yang dikehendaki oleh Dasar Perjalanan dan Perbelanjaan Perniagaan Lain dan (b) munasabah dan tidak dibuat untuk memperoleh kelebihan yang tidak wajar. Walau bagaimanapun, tidak ada apa-apa pun yang boleh ditawarkan kepada pegawai kerajaan, atau kepada sesiapa sahaja, jika ini boleh dianggap sebagai percubaan untuk mempengaruhi urusan perniagaan atau keputusan rasmi dan/atau memperoleh atau mengekalkan perniagaan yang tidak adil atau sebarang kelebihan, atau sekiranya ini akan menjejaskan reputasi Syarikat. Prinsip-prinsip ini perlu dipatuhi tanpa mengira nilai kewangan yang diberikan kepada pegawai kerajaan atau mana-mana pihak ketiga yang lain.

Akta Amalan Rasuah Asing (“**FCPA**”), undang-undang antirasuah yang paling relevan di A.S. yang terpakai untuk perniagaan Instant Brands, melarang penawaran, janji, pembayaran, pemberian atau membenarkan pembayaran atau pemberian wang atau apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan bukan A.S. atau calon untuk jawatan politik bukan A.S. demi mempengaruhi sesuatu urusan perniagaan atau keputusan rasmi dan/atau bagi mendapatkan, mengekalkan, atau menghalakan urusan perniagaan atau sebarang kelebihan lain yang tidak wajar. Pembayaran tidak langsung yang dibuat melalui pihak ketiga, seperti perunding, pengedar atau wakil jualan, juga dilarang. Instant Brands mengekalkan prosedur yang direka untuk memastikan bahawa mana-mana pengantara yang bekerjasama dengan kita mempunyai reputasi baik dan mematuhi undang-undang antirasuah dan sogokan, termasuk FCPA.

Instant Brands juga mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang memuaskan dan menyimpan buku dan rekod yang mencerminkan semua transaksi dan aset Syarikat secara adil, tepat dan cukup terperinci bagi memastikan ketelusan dan mengelakkan penyembunyian transaksi yang tidak wajar. Buku dan rekod Instant Brands tidak boleh mengandungi sebarang kenyataan atau catatan palsu atau yang mengelirukan, seperti merekodkan perbelanjaan hadiah sebagai sesuatu selain daripada hadiah. Jangan sekali-kali menyimpan dana atau aset rahsia atau yang tidak direkodkan atau dengan sengaja salah mengklasifikasikan sebarang transaksi berkaitan akaun, jabatan atau tempoh perakaunan. Mengekalkan dokumentasi yang tepat, sesuai dan cukup terperinci bagi menyokong semua transaksi, dan memelihara dokumen mengikut rekod dan dasar pengurusan maklumat Syarikat.

Tanggungjawab Anda

- Mematuhi Dasar Pematuhan Antirasuah Syarikat, dan sentiasa mengekalkan standard etika tertinggi di Amerika Syarikat dan di setiap negara asing tempat Instant Brands menjalankan perniagaan.
- Jangan tawarkan, berjanji, membayar, memberi atau membenarkan pembayaran atau pemberian apa-apa yang bernilai, tanpa mengira jumlahnya, kepada pegawai kerajaan bukan A.S. (termasuk kakitangan perusahaan milik kerajaan atau yang dikawal kerajaan) tanpa kelulusan Jabatan Undang-undang.
- Penyediaan hadiah dan hiburan perlu dikendalikan dengan sewajarnya mengikut dasar Syarikat, termasuk Kod ini dan Dasar Perjalanan dan Perbelanjaan Perniagaan Lain Instant Brands (yang antara lain mengehadkan pemberian hadiah dan pembayaran bagi perjalanan dan keraian untuk pihak ketiga, dan tidak boleh sekali-kali ditawarkan dengan niat yang tidak wajar).
- Mematuhi prosedur penilaian wajar antirasuah bagi pembekal perkhidmatan pihak ketiga Instant Brands dan merujuk kepada Jabatan Undang-undang (legal@instantbrands.com) jika anda mempunyai sebarang soalan tentang prosedur penilaian wajar yang sesuai.
- Bekerjasama dengan Jabatan Undang-undang bagi memastikan perjanjian kita dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga seperti perunding, pengedar asing, wakil jualan dan pembekal lain termasuk peruntukan antirasuah/pematuhan FCPA.
- Mematuhi dasar perakaunan Instant Brands dan prosedur kawalan dalaman.
- Jangan gunakan aset syarikat untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau yang tidak wajar.

- Jangan cipta atau simpan dana atau aset rahsia atau yang tidak direkodkan bagi sebarang tujuan.
- Jangan buat sebarang catatan palsu atau yang mengelirukan dalam rekod Instant Brands atau membuat sebarang pembayaran bagi pihak mana-mana syarikat Instant Brands tanpa dokumentasi sokongan yang mencukupi.
- Laporkan pelanggaran dasar kewangan dan perakaunan kepada penyelia anda, Jabatan Undang-undang atau Talian Utama Instant Brands.

Dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang (legal@instantbrands.com) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Antitrust

Persaingan adalah sihat bagi perniagaan dan baik untuk pengguna. **Dasar kita jelas: Kita akan bersaing berdasarkan merit produk kita dan kita akan mematuhi sepenuhnya undang-undang antitrust A.S. dan undang-undang antitrust lain yang terpakai.**

Undang-undang antitrust melarang mana-mana pekerja daripada membuat perjanjian atau persefahaman (sama ada bertulis atau lisan, dan sama ada formal atau tidak formal) dengan pesaing tentang sebarang tindakan yang menjejaskan, mengehadkan atau menyekat persaingan. Ini termasuk perjanjian dengan pesaing yang mungkin berkaitan dengan:

- Harga, kos, keuntungan atau terma dan syarat jualan
- Wilayah
- Had kepada produk atau perkhidmatan
- Kemudahan atau kapasiti pengeluaran
- Pembahagian pasaran
- Pengagihan atau pemilihan pelanggan atau pembekal
- Kaedah pengedaran
- Strategi pemasaran atau perniagaan
- Penyelidikan dan pembangunan
- Rekrutmen dan pengambilan pekerja (cth., perjanjian "tiada pencurian")
- Pampasan atau manfaat untuk pekerja

Walaupun tanpa persetujuan atau persefahaman, anda perlu mengelak daripada berkongsi maklumat "sensitif persaingan", termasuk tentang topik di atas, dengan pesaing, kerana ia mungkin dilihat sebagai bukti percubaan untuk mengehadkan persaingan. Maklumat sensitif persaingan termasuk data berbutir yang boleh digunakan untuk membuat keputusan kompetitif; data agregat atau data sejarah mungkin boleh dikongsi, tetapi hubungi Jabatan Undang-undang sebelum berkongsi sebarang maklumat yang boleh dipersoalkan.

Maklumat tambahan tentang amalan perniagaan lain yang mungkin juga melanggar undang-undang antitrust disertakan di bawah.

Penyertaan dalam Persatuan Perdagangan

Menjalankan aktiviti bersama di bawah payung persatuan perdagangan atau berkaitan dengan mesyuarat persatuan perdagangan tidak menjadi pelindung daripada undang-undang antitrust. Malah, dalam banyak pendakwaan jenayah antitrust, sekurang-kurangnya satu mesyuarat persatuan perdagangan didakwa terlibat dalam konspirasi itu. Disebabkan oleh kemungkinan isu antitrust yang boleh timbul berhubung dengan aktiviti persatuan perdagangan, pekerja Instant Brands perlu mematuhi garis panduan berikut:

- Kita tidak sepatutnya menyertai mana-mana persatuan perdagangan atau menghadiri mana-mana mesyuarat persatuan perdagangan kecuali jika terdapat manfaat perniagaan yang jelas yang boleh diraih daripada persatuan perdagangan tersebut dan kita telah memastikan bahawa persatuan perdagangan tersebut mempunyai, dan menggunakan, peguam antitrust yang kompeten (iaitu bahawa persatuan perdagangan tersebut menguruskan risiko antitrust dengan betul).
- Maklumkan Jabatan Undang-undang sebelum menyertai mana-mana persatuan perdagangan dengan menghantar e-mel kepada legal@instantbrands.com. Anda perlu memasukkan nama persatuan perdagangan, tarikh kita menyertai persatuan tersebut dan nama mana-mana pekerja yang berkhidmat dalam lembaga persatuan atau sebarang jawatankuasa.
- Pekerja yang menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan atau yang menganggotai persatuan perdagangan perlu arif tentang prinsip antitrust dan perangkap undang-undang yang terlibat dalam program persatuan perdagangan dan berkelakuan berdasarkan prinsip tersebut.

Sekatan Perdagangan

Perilaku yang boleh dianggap sebagai sekatan perdagangan di bawah undang-undang antitrust perlu dielakkan. Ini boleh timbul, contohnya jika mana-mana syarikat Instant Brands adalah sebahagian daripada aturan rasmi atau tidak rasmi untuk mengehadkan persaingan dalam kalangan pelanggan kita. Untuk mengehadkan risiko ini, pekerja perlu mengelak daripada membincangkan program syarikat berkenaan seorang pelanggan dengan pelanggan kedua. Kita turut bertanggungjawab terhadap kerahsiaan kepada setiap pelanggan, oleh itu tidak ada sebab untuk membincangkan apa-apa tentang hubungan pelanggan kita.

Penyelenggaraan Harga Jualan Semula

Mengarahkan atau memaksa harga jualan semula yang dikenakan oleh pelanggan atau pengedar adalah menyalahi undang-undang. Dasar Harga Minimum Diiklankan ("**MAP**") kita meliputi pengiklanan produk tertentu oleh pelanggan kita dan telah distrukturkan serta dikuatkuasakan untuk menghindari larangan Penyelenggaraan Harga Jualan Semula.

Klausa Negara Paling Digemari (MFN)

Klausa khusus di mana penjual (atau pemberi lesen) bersetuju untuk memberi pembeli (atau pemegang lesen) syarat terbaik yang disediakan kepada mana-mana pembeli lain secara umumnya boleh diterima dan boleh mengurangkan kos transaksi, tetapi perjanjian tersebut tidak boleh digunakan sebagai mekanisme untuk memantau dan menetapkan harga bagi semua pesaing dalam pasaran tertentu, setakat mana ini boleh dilakukan.

Pemonopolian

Adalah menyalahi undang-undang bagi syarikat untuk "memonopoli" pasaran. Walaupun Instant Brands percaya bahawa tidak ada syarikatnya yang mempunyai kedudukan monopoli dalam mana-mana pasaran yang berkaitan, pekerjaanya masih perlu mengelak daripada sebarang kelakuan yang boleh diistilahkan sebagai "pemangsa" atau "penyingkiran", dan oleh itu dianggap bersifat monopoli. Contoh termasuk:

- Penetapan harga yang sangat rendah untuk menyingkirkan pesaing dengan niat untuk menaikkan harga tersebut apabila pesaing telah tersingkir daripada pasaran. Secara umum, jika tiada sebab perniagaan yang kukuh yang tidak berkaitan dengan persaingan (cth., penjualan lebihan inventori atau inventori usang), jualan di bawah kos margin kita boleh dianggap bersifat pemangsa.
- Mengambil sebarang tindakan lain yang bertujuan khusus untuk memudaratkan mana-mana pesaing tertentu. Ini mungkin termasuk, sebagai contoh, terlibat dalam kontrak "eksklusif" dengan pengedar, wakil penjual atau pelanggan dengan cara yang menjadikannya lebih

sukar bagi pembeli mengakses input kritikal atau bagi pembekal lain mendapatkan akses kepada pelanggan. Keputusan perniagaan kita dan amalan pemasaran kita mestilah dibuat secara positif dengan tujuan meningkatkan keuntungan kita berbanding secara negatif dengan tujuan mengurangkan jumlah jualan atau keuntungan syarikat lain.

Aturan Mengikat

Aturan mengikat wujud apabila syarikat menetapkan penjualan satu produk kepada pembeli yang membeli beberapa produk lain yang berasingan dan tidak berkaitan. Ini boleh menimbulkan kebimbangan antitrust. Semua produk Instant Brands sepatutnya mampu berdiri sendiri di pasaran.

Harga Bersyarat

Diskaun kesetiaan atau diskaun untuk pembeli yang membeli dua atau lebih produk bersama (tawaran digabungkan) perlu digunakan untuk bersaing secara berkesan dalam pasaran, bukan untuk membahayakan atau menyingkirkan pesaing lain.

Sekatan ke atas Penedar Kita

Secara umum, pekerja Instant Brands perlu menganggap pengedar kita sebagai perniagaan bebas yang berhak membuat keputusan perniagaan mereka sendiri. Kita tidak sepatutnya menentukan:

- harga yang mereka letakkan untuk menjual produk kita, atau
- pelanggan mana yang boleh atau tidak boleh membeli daripada mereka.

Diskriminasi Harga

Undang-undang antitrust A.S. juga boleh melarang kita daripada menjual produk yang sama pada harga yang berbeza kepada pelanggan yang berbeza apabila perbezaan harga itu mungkin mempunyai kesan buruk terhadap persaingan. Dalam erti kata lain, kita perlu melayan semua pelanggan sama rata. Peraturan am ini juga digunakan di kebanyakan lokasi bukan A.S. Untuk memastikan kita mematuhi semua undang-undang yang terpakai, amalan penetapan harga standard Instant Brands, dan sebarang penyimpangan, perlu diluluskan oleh Jabatan Undang-undang kita.

Persalingan

Produk kita perlu dijual berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan. Kita sepatutnya membeli produk lain berdasarkan pertimbangan yang sama. Kita tidak sepatutnya cuba menjual produk kita kepada syarikat lain atas dasar pembelian yang mungkin kita buat daripada syarikat tersebut, dan kita juga tidak patut membenarkan syarikat lain memaksa kita membeli produk mereka hanya kerana kita menjual produk kepada mereka. Pelanggaran prinsip ini—kadang-kala dipanggil "persalingan"—boleh menimbulkan implikasi antitrust.

Sekatan dalam Urus Niaga Barangan Pesaing

Syarat syarikat bahawa kita akan menjual produk kita kepada pelanggan hanya dengan syarat pelanggan enggan mengurus niaga dengan barangan pesaing boleh menimbulkan isu antitrust. Ia juga boleh dianggap sebagai kaedah persaingan yang tidak adil. Jurujual Instant Brands tidak boleh menetapkan penjualan produk kita atas keengganan pelanggan kita berurusan dengan pembekal lain.

Tanggungjawab Anda

- Jangan sekali-kali berbincang atau bersetuju dengan pesaing tentang sebarang pengaturan untuk menetapkan harga atau gaji atau membahagikan atau memperuntukkan pasaran atau pekerja.

- Jangan sekali-kali berbincang atau bersetuju dengan pesaing untuk menyekat budi bicara mana-mana pihak untuk mengeluarkan sebarang produk, menyediakan sebarang perkhidmatan atau menjual kepada/membeli daripada pihak ketiga.
- Jangan sekali-kali berbincang atau bersetuju dengan peraih atau pengedar untuk: menyekat budi bicara wakil penjual untuk menggunakan atau menjual semula salah satu produk syarikat melainkan anda berunding dengan Jabatan Undang-undang; atau mensyaratkan penjualan produk atau perkhidmatan atas pembelian produk atau perkhidmatan lain daripada Syarikat.
- Jangan bertukar data berbutir yang boleh digunakan untuk membuat keputusan kompetitif; data agregat atau data sejarah mungkin boleh dikongsi, tetapi hubungi Jabatan Undang-undang sebelum berkongsi sebarang maklumat yang boleh dipersoalkan.
- Jangan sekali-kali membincangkan hubungan perniagaan Syarikat dengan seorang pelanggan dengan pelanggan lain. Jika pelanggan bertanya tentang harga/program syarikat kita dengan pelanggan kedua, tamatkan perbualan walaupun ini bermakna anda perlu beredar. Sila ambil perhatian bahawa perniagaan e-dagang dan Kedai Runcit kita juga perlu dianggap sebagai pelanggan untuk tujuan ini.
- Rujuk kepada MAP Instant Brands dan dasar penetapan harga standard dan hubungi Jabatan Undang-undang sebelum membuat sebarang penyimpangan daripada dasar ini.
- Hubungi Jabatan Undang-undang (legal@instantbrands.com) untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu sebelum berjumpa dengan pesaing. Jika anda menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan dan pesaing turut hadir, jangan sekali-kali berbincang dalam mesyuarat itu atau dalam perjumpaan sosial lain tentang harga, kos, jualan, keuntungan, pembahagian pasaran atau subjek kompetitif lain di luar bidang aliran seluruh industri. Jika perkara sedemikian masuk ke dalam perbincangan, hentikan perbincangan, atau tinggalkan mesyuarat atau perjumpaan sosial—nyatakan sebab anda beredar—dan maklumkan kepada Jabatan Undang-undang.

Dapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang (legal@instantbrands.com) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.

Pemasaran

Pemasaran dan pengiklanan kita perlu sentiasa jujur. Jika kita membuat tuntutan tentang produk kita, harga produk kita atau prestasi produk kita, kita memerlukan bukti yang mencukupi di sisi undang-undang untuk mengesahkan dakwaan tersebut. Standard bukti yang mencukupi bagi sebarang tuntutan produk perlu ditentukan dengan berunding dengan Jabatan Undang-undang berdasarkan kes demi kes. Kita tidak boleh melabel atau memasarkan produk kita dalam apa jua cara yang boleh menyebabkan kekeliruan antara produk kita dan mana-mana produk pesaing kita. Perkataan dan frasa tertentu yang digunakan dalam pengiklanan (termasuk pada pembungkusan) mencetuskan peraturan dan pertimbangan khas (*cth.*, BAHARU, PERCUMA, KEPUASAN TERJAMIN, TAWARAN PERCUBAAN PERCUMA, dsb.). Begitu juga, kita perlu berwaspada dengan sebarang situasi di mana pesaing mungkin cuba mengelirukan bakal pelanggan tentang asal usul produk dan maklumkan perkara tersebut kepada pihak pengurusan yang sesuai atau Jabatan Undang-undang.

Jika kita menawarkan elaan pengiklanan atau promosi, kita perlu menawarkannya pada dasar yang sama rata kepada semua pelanggan kita. Elaan pengiklanan dan promosi tertakluk kepada peraturan yang sangat terperinci dan teknikal di bawah Akta Robinson-Patman, yang memerlukan pelanggan yang bersaing dilayan dengan cara yang sama berhubung dengan produk tertentu. Sebarang pengecualian adalah tertakluk kepada kelulusan awal daripada Jabatan Undang-undang.

Jabatan Undang-undang perlu dirujuk terlebih dahulu tentang promosi cabutan bertuah, peraduan atau pemberian lain, sama ada melalui e-mel, tapak web korporat kita, atau mana-mana platform media sosial seperti, tetapi tidak terhad kepada, Instagram, Pinterest, Facebook atau Twitter, bagi memastikan promosi mematuhi undang-undang yang terpakai dan peraturan platform di mana kempen akan dilancarkan atau diiklankan. Disebabkan ramifikasi cukai bagi pemberian produk percuma, Jabatan Cukai dan Jabatan Kewangan juga perlu dirujuk.

Pemasaran dalam talian menimbulkan isu pemasaran, privasi dan platform pihak ketiga. Rujuk kepada Jabatan Undang-undang sebelum melancarkan kempen pengiklanan dalam talian.

Melibatkan pengengaruh berhubung dengan produk kita mencetuskan beberapa kewajipan kontrak dan kawal selia untuk kita dan juga pengengaruh tersebut. Rujuk kepada Jabatan Undang-undang sebelum terlibat dengan pengengaruh (termasuk memberikan produk percuma).

Melibatkan diri dalam program pemasaran yang menunjukkan (melalui implikasi atau sebaliknya) bahawa menjalankan perniagaan dengan kita atau berinteraksi dengan kita akan memberi manfaat kepada organisasi amal akan mencetuskan beberapa keperluan kontrak dan kawal selia. Rujuk kepada Jabatan Undang-undang sebelum memulakan sebarang program sedemikian.

Kita tidak boleh memperlekehkan mana-mana produk, perkhidmatan atau pekerja mana-mana pesaing kita. Jika kita terlibat dalam sebarang perbandingan produk kita dengan produk pesaing, perbandingan tersebut perlu adil dan berdasarkan cadangan nilai dan sifat produk kita sendiri dan semua tuntutan perlu berasas dan benar. Pengiklanan perbandingan juga tertakluk kepada peraturan dan oleh itu, perlu mendapat kelulusan Jabatan Undang-undang terlebih dahulu. Semua penggunaan tanda dagangan dan nama dagangan syarikat perlu digunakan mengikut dasar kita yang mengawal penggunaan tersebut, dan Jabatan Undang-undang perlu sentiasa dirujuk berkenaan dengan penggunaan baharu tanda dagangan dan nama dagangan kita.

Kita tidak akan menggunakan hadiah, hiburan yang berlebihan atau sebarang cara lain untuk mempengaruhi bakal pelanggan kita secara tidak wajar. Kita akan memasarkan produk kita berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan kita. Syarikat tidak akan membayar sebarang rasuah, ganjaran, sogokan atau apa-apa bayaran yang seumpamanya kepada sesiapa, termasuk ejen pelanggan kita atau ahli keluarga mereka, berkaitan dengan penjualan mana-mana produk kita. Jika sebarang pembayaran sedemikian diminta, hubungi Jabatan Undang-undang dengan kadar segera. Dasar syarikat adalah untuk melepaskan sebarang urusan niaga yang hanya boleh diperolehi dengan pembayaran yang tidak wajar atau tidak sah. Syarikat tidak akan membayar "wang tolakan" atau pembayaran rahsia, kepada pelanggan kita untuk mendorong mereka menjual produk kita berbanding produk pesaing kita.

Tanggungjawab Anda

- Pastikan pengiklanan kita adalah benar dan dakwaan produk yang kita buat dibuktikan dengan ujian produk atau data objektif yang serupa. Sentiasa hubungi Jabatan Undang-undang (legal@instantbrands.com) berkenaan soalan yang berkaitan dengan pengesahan tuntutan produk dan perbandingan dengan pasaran.
- Sentiasa tawarkan elaan pengiklanan dan promosi pada dasar yang sama rata kepada semua pelanggan.
- Jangan perlekehkan pesaing kita.
- Jangan sekali-kali menawarkan rasuah dalam apa jua bentuk berkaitan dengan penjualan mana-mana produk kita.

Kelestarian

Instant Brands menyasarkan untuk menyepadukan falsafah pembangunan mampan ke dalam aktiviti Syarikat dan untuk mewujudkan serta menggalakkan amalan berkenaan alam sekitar yang baik dalam operasi kita.

Instant Brands bercita-cita untuk meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan memaksimumkan penggunaan berkesan sumber terhad dan tidak boleh diperbaharu. Kita berusaha untuk mencapai kelestarian alam sekitar yang lebih besar melalui peningkatan kesedaran dan komunikasi yang berkesan dengan ahli pasukan kita, vendor dan pembekal komitmen kita. Instant Brands mewujudkan komitmen untuk menggalakkan usaha terbaiknya untuk:

- mengilang dan/atau mendapatkan produk yang menggabungkan bahan boleh diperbaharu, dikitar semula, boleh dikitar semula dan terbiodegradasi apabila boleh; dan
- membuat pertimbangan reka bentuk untuk menjimatkan bahan mentah, air dan tenaga yang digunakan dalam proses pembuatan; dan
- menangani pengurusan akhir hayat dan pilihan pemulihan untuk bahan yang membentuk produk kita.

Tanggungjawab Anda

- Fahami Dasar Kelestarian Syarikat.
- Fahami dan ikuti garis panduan alam sekitar syarikat yang terpakai pada aktiviti kerja anda.
- Pastikan rekod dan label alam sekitar yang diperlukan adalah lengkap, tepat dan benar.
- Kendalikan, simpan atau hapuskan bahan berbahaya dengan betul dengan mematuhi sepenuhnya program Instant Brands dan peraturan yang berkenaan.
- Maklumkan penyelia dan pengurus anda tentang sebarang pelanggaran garis panduan alam sekitar Instant Brands.
- Laporkan sebarang tumpahan dan pelepasan lain petroleum atau bahan berbahaya.
- Cegah risiko tumpahan dan pelepasan lain petroleum atau bahan berbahaya.
- Pastikan Instant Brands mematuhi had pelepasan dan syarat kebenaran.
- Maklumkan kakitangan penyeliaan dan kakitangan Alam Sekitar tentang sebarang pelanggaran peraturan, kebenaran atau garis panduan syarikat yang jelas.
- Cadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan atau melupuskan bahan buangan atau pelepasan gas.

Penyumberan Global

Prinsip Penyumberan Global kita adalah alat yang menyokong reputasi korporat kita dan, oleh itu kejayaan kita dari segi komersial. Prinsip ini membantu kita dalam memilih rakan kongsi perniagaan yang mematuhi piawaian tempat kerja dan amalan perniagaan yang selaras dengan dasar dan nilai syarikat kita. Kita mengharapkan rakan kongsi perniagaan kita mengendalikan tempat kerja di mana piawaian dan amalan berikut dipatuhi:

1. Kita akan berusaha untuk mengenal pasti dan menggunakan rakan kongsi perniagaan yang menjalankan perniagaan secara beretika dan mematuhi undang-undang yang terpakai.
2. Kita hanya akan menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi yang pekerjaanya dalam semua kes hadir secara sukarela, tidak menghadapi risiko kecederaan fizikal, diberi pampasan yang adil, diberikan hak untuk bergaul dengan bebas, dan tidak dieksploitasi dalam apa cara sekalipun. Di samping itu, garis panduan khusus berikut akan diikuti:
 - Upah dan manfaat akan mematuhi semua undang-undang yang terpakai atau sepadan dengan amalan industri yang lazim.

- Waktu bekerja tidak akan melebihi norma tempatan kecuali diberi pampasan lebih masa yang sewajarnya.
 - Pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak, dan buruh paksa tidak akan diterima.
 - Pekerja perlu diambil bekerja berdasarkan kebolehan mereka untuk melakukan pekerjaan itu, bukan berdasarkan ciri atau kepercayaan peribadi.
 - Hukuman bersifat mendera atau bentuk paksaan mental atau fizikal yang lain tidak akan diterima.
3. Kita hanya akan menjalankan perniagaan dengan rakan kongsi yang berkongsi komitmen kita terhadap alam sekitar dan kelestarian, dan yang menjalankan perniagaan mereka dengan cara yang konsisten dengan falsafah alam sekitar dan prinsip yang memandu kita.

Tanggungjawab Anda

Pastikan rakan kongsi perniagaan kita menjalankan operasi mereka di bawah satu set piawaian etika yang serasi dengan piawaian syarikat.

Undang-undang dan Peraturan Sekatan Ekonomi A.S

Instant Brands, syarikat ahlinya dan ahli sekutunya, yang berpangkalan di A.S. dan bukan di A.S., semuanya tertakluk kepada atau dipengaruhi oleh undang-undang dan peraturan A.S. yang menggunakan sekatan ekonomi terhadap negara dan individu tertentu ("**Undang-undang Sekatan Ekonomi**").

Undang-undang Sekatan Ekonomi dikemas kini dari semasa ke semasa dan, secara amnya, melarang atau amat mengehadkan transaksi pada tahap yang berbeza di negara tertentu ("**Negara Disekat**") yang terlibat dalam aktiviti geopolitik yang ingin dielakkan oleh Kerajaan A.S. Mulai Oktober 2021, Negara yang Dikenakan Sekatan termasuk Cuba, Iran, Korea Utara, Syria, Turki dan Venezuela. Terdapat juga sekatan terhadap individu dan aktiviti berpusat di negara lain tertentu (cth. Balkan, Belarus, Burundi, Republik Afrika Tengah, Republik Demokratik Kongo, Hong Kong, Iraq, Lubnan, Libya, Mali, Myanmar, Nicaragua, Somalia, Sudan dan Darfur, Sudan Selatan, Ukraine/Rusia, Yaman dan Zimbabwe).

Undang-undang Sekatan Ekonomi juga melarang urus niaga dengan individu dan entiti tertentu yang dikenal pasti ("**Pihak Disekat**") yang berkait rapat dengan aktiviti mencurigakan Negara Disekat atau yang dipercayai terlibat dalam aktiviti lain, seperti keganasan dan pengedaran dadah, yang cuba dihalang oleh AS Kerajaan. Turut termasuk sebagai Pihak Disekat adalah individu dan entiti yang dipercayai memudahkan aktiviti mencurigakan Pihak Disekat lain, seperti bank dan institusi kewangan lain yang dianggap sebagai wadah untuk skim pengubahan wang haram.

Undang-undang Sekatan Ekonomi ditadbir oleh Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat, Pejabat Kawalan Aset Asing ("**OFAC**"), dan sekatan serta peraturan yang berkaitan kadangkala dirujuk sebagai "Sekatan OFAC". Sasaran sekatan yang dikemas kini boleh didapati menggunakan enjin carian OFAC.

Instant Brands telah menerima pakai dasar dan prosedur untuk memastikan pematuhan Undang-undang Sekatan Ekonomi. Prosedur pematuhan yang berkaitan tertumpu terutamanya pada (1) mengenal pasti orang dan entiti asing yang menjalankan urus niaga dengan Instant Brands yang mungkin menunjukkan potensi besar menjalankan perniagaan dengan atau di Negara Disekat atau yang mungkin menimbulkan risiko besar menjadi Pihak Disekat atau dikaitkan dengan Pihak Disekat dan kemudian (2) menjalankan aktiviti pelepasan berkenaan orang dan entiti tersebut, dengan merujuk kepada senarai Negara Disekat dan Pihak disekat oleh OFAC.

Kakitangan tertentu dalam syarikat yang boleh membantu dalam aktiviti pengenalan dan pelepasan tersebut telah diberi latihan yang lebih tertumpu dalam hal Sekatan OFAC dan telah diberikan tanggungjawab khusus dalam menjalankan aktiviti pematuhan OFAC Instant Brands.

Selain itu, Dasar Pematuhan Antirasuah syarikat menghendaki kakitangan syarikat yang mengambil bahagian dalam semakan tahunan ini supaya berkomunikasi dengan komuniti, dan pemberian sijil pematuhan terhadap Tatakelakuan Perniagaan ini. Tujuannya adalah untuk menyedarkan pekerja tentang keperluan am Undang-undang Sekatan Ekonomi dan mendapatkan sokongan anda dalam usaha pematuhan.

Tanggungjawab Anda

- Jika anda seorang pekerja Instant Brands yang ditugaskan mengambil bahagian secara lebih langsung dalam usaha pematuhan Undang-undang Sekatan Ekonomi, anda perlu berusaha untuk memenuhi sepenuhnya fungsi pematuhan berkaitan yang ditugaskan kepada anda.
- Kakitangan lain dalam syarikat perlu berwaspada terhadap transaksi dengan orang dan entiti bukan A.S. dan bukan Kanada yang:
 - tidak diatur melalui saluran biasa Instant Brands, kerana bimbang mereka mungkin memintas prosedur pelepasan pematuhan Sekatan OFAC biasa; atau
 - mereka anggap mencurigakan dalam mana-mana aspek lain, termasuk transaksi dengan orang atau entiti di mana-mana Negara Dikekat yang dikenal pasti di atas.

Sebarang soalan tentang Undang-undang Sekatan Ekonomi perlu ditujukan sama ada kepada Jabatan Undang-undang Instant Brands (legal@instantbrands.com).

Rekod Kewangan

Pelbagai undang-undang memerlukan syarikat merekod, memelihara dan melaporkan maklumat kewangan kepada pelabur dan agensi kerajaan. Pekerja perlu merekodkan maklumat kewangan dengan tepat, lengkap dan tepat pada masanya mengikut prosedur syarikat dan prinsip perakaunan yang diterima umum. Undang-undang melarang catatan yang sengaja menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar mana-mana transaksi Instant Brands. Semua penerimaan dan pengeluaran dana perlu direkodkan dengan betul dan segera. Maklumat kewangan perlu dirahsiakan dan hanya dikeluarkan dengan kelulusan Ketua Pegawai Kewangan.

Tanggungjawab Anda

- Jangan buat catatan yang tidak tepat, palsu atau yang mengelirukan dalam buku dan rekod syarikat.
- Segera laporkan sebarang rekod yang tidak tepat, palsu atau yang mengelirukan kepada penyelia anda, Ketua Pegawai Kewangan, Pengawal Korporat, Ketua Pegawai Undang-undang atau Talian Utama Instant Brands.
- Jangan buat atau luluskan pembayaran tanpa maklumat sokongan yang mencukupi, atau jika mana-mana bahagian pembayaran tersebut akan digunakan untuk sebarang tujuan selain daripada tujuan yang dinyatakan dalam dokumentasi sokongan.
- Jika anda mengambil bahagian dalam penyediaan laporan kewangan atau transaksi yang menyokong laporan kewangan tersebut, ketahui dan ikuti dasar perakaunan syarikat dan prosedur kawalan dalaman.
- Mana-mana pekerja sementara yang terlibat dalam tugas berikut perlu menandatangani perjanjian kerahsiaan yang memihak kepada syarikat dan diuruskan dengan betul untuk memastikan pematuhan terhadap Tatakelakuan Perniagaan ini.
- Ikut dasar dan jadual pengekalan rekod syarikat.

Rahsia Perdagangan/Maklumat Sulit

Kakitangan Instant Brands perlu melindungi maklumat sulit syarikat dengan sewajarnya serta maklumat sulit pembekal, pelanggan dan pihak ketiga lain yang menjalankan perniagaan dengan kita. Dalam hal ini, pekerja Instant Brands perlu menolak sebarang akses tidak wajar kepada maklumat sulit kita sendiri dan mana-mana syarikat lain yang menjalankan perniagaan dengan kita, dan kita perlu menghormati kerahsiaan maklumat peribadi kakitangan, pembekal perkhidmatan dan pesaing kita.

Maklumat sulit termasuk sebarang maklumat tentang perniagaan kita yang tidak tersedia secara umum kepada orang ramai. Oleh kerana maklumat sedemikian mungkin berguna kepada pesaing kita, adalah penting untuk kita berhati-hati dalam mengendalikan maklumat tersebut. Penggunaan atau pendedaran maklumat sulit tanpa kebenaran melanggar dasar syarikat dan boleh menyalahi undang-undang. Penggunaan atau pendedaran sedemikian boleh menimbulkan kesan negatif kepada Instant Brands dan individu yang terlibat, termasuk kemungkinan tindakan undang-undang dan tatatertib. Contoh umum maklumat sulit syarikat termasuk perkara seperti:

- Data kewangan sama ada data sejarah atau unjuran, dan belanjawan
- Angka jualan dan margin
- Produk baharu yang dirancang
- Rancangan pengembangan
- Program pengiklanan yang dirancang
- Rancangan pembuatan
- Senarai pembekal dan pelanggan
- Maklumat peribadi tentang pekerja, kontraktor atau pelanggan
- Sebarang dokumen atau lukisan yang dilabel sebagai sulit atau prietari

Anda wajib melindungi maklumat sulit Instant Brands secara berterusan walaupun selepas anda meninggalkan syarikat, dan anda perlu memulangkan semua maklumat sulit dalam simpanan anda selepas meninggalkan syarikat.

Tanggungjawab Anda:

- Sebarang perbincangan tentang maklumat sulit syarikat, atau maklumat tentang mana-mana pihak lain yang kita wajib rahsiakan hanya boleh dilakukan dengan orang lain dalam syarikat atas dasar perlu tahu sahaja.
- Anda tidak boleh mendedahkan maklumat sulit syarikat kepada sesiapa di luar syarikat melainkan syarat yang dinyatakan di bawah dalam perenggan ini dipenuhi. Sebelum anda mendedahkan maklumat sulit kita kepada mana-mana orang di luar syarikat, mestilah terdapat tujuan perniagaan yang sah untuk berbuat demikian dan mereka mestilah telah menandatangani perjanjian kerahsiaan yang sesuai, yang boleh disediakan oleh Jabatan Undang-undang kita. Maklumat yang diberikan kepada pihak ketiga menurut perjanjian kerahsiaan hendaklah ditandakan sebagai "Sulit" demi memperkukuh perlindungan yang kita harapkan di bawah perjanjian kerahsiaan.
- Anda mestilah sentiasa berjaga-jaga bagi mengelakkan pendedahan tidak sengaja maklumat sulit kita yang mungkin timbul dalam perbualan sosial, dalam hal berhubung perniagaan biasa dengan pembekal dan pelanggan kita, atau sebaliknya.
- Anda mestilah menghormati sepenuhnya rahsia dagangan dan maklumat sulit majikan anda yang terdahulu dan majikan pekerja kita yang terdahulu, dan anda tidak boleh menggunakan rahsia dagangan atau maklumat sulit tersebut di dalam kerja anda sendiri dalam organisasi kita.
- Anda mestilah mematuhi perjanjian kerahsiaan kita dengan pembekal dan pihak ketiga yang lain, dan pastikan anda tahu sama ada perjanjian sedemikian wujud (dan, jika ada, terma-terma di dalamnya) sebelum mendedahkan sebarang maklumat tentang pembekal atau

